UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

AGRICULTURE • INNOVATION • LIFE

# MESYUARAT
# JAWATANKUASA KUALITI UPM KALI KE-42

## Agenda 6.0
## Laporan Analisis Penemuan Audit

# LATAR BELAKANG



**Audit Dalaman** Sistem Pengurusan Kualiti (QMS), Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) dilaksana di Universiti Putra Malaysia (UPM) pada setiap tahun. **Bermula tahun 2017**, penemuan audit dalaman iaitu laporan Ketakakuran (NCR) dan Peluang Penambahbaikan (OFI) telah direkod secara atas talian oleh Juruaudit Dalaman iaitu melalui **Portal Jaminan Kualiti (PortalCQA)** (http://portalcqa.upm.edu.my).




Maklum balas pelan tindakan, bukti pelaksanaan tindakan serta penutupan penemuan audit juga dikemaskini, dimuatnaik dan disahkan melalui PortalCQA oleh Pusat Tanggungjawab (TWP & TPAD) dan Juruaudit Dalaman UPM.

**Pemantauan bagi tindakan penutupan penemuan audit dalaman** dibuat **secara berkala** melalui:

1. Laporan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM;
2. Emel kepada TWP dan TPAD.

# TINDAKAN PENUTUPAN PENEMUAN AUDIT DALAMAN

**Tindakan: Pusat Tanggungjawab**

Pemakluman bagi tujuan penutupan penemuan audit beserta Panduan Tindakan Penutupan Audit Dalaman telah dimaklum dan dihebahkan kepada **Pusat Tanggungjawab** (TWP dan TPAD) melalui **Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM** kali ke-40 (Minit 40.3.5 & 40.4.7) dan juga telah dihebahkan melalui **emel** bertarikh 3 Julai 2018 dan 13 Disember 2018.



RINGKASAN TINDAKAN
PENUTUPAN PENEMUAN AUDIT DALAMAN

1. **Masuk ke sistem dengan menggunakan UPMID**. (http://portalcqa.upm.edu.my/)
   – Perincian **rujuk Manual Pengguna Portal Jaminan Kualiti PortalCQA**
2. **Input Pelan Tindakan (NCR)/pelaksanaan tindakan (OFI) dalam PortalCQA** - Pilih **Peranan TWP/TPAD**.
   (Di bawah Pautan **Audit Dalaman** - **Pasca Audit** - **Maklum balas Pelan Tindakan**)
3. **Laksana tindakan berdasarkan pelan tindakan yang dinyatakan dalam PortalCQA**
   (Di bawah Pautan **Audit Dalaman** - **Pasca Audit** - **Maklum balas Pelan Tindakan**)
4. **Muatnaik bukti tindakan dalam PortalCQA**
   (Di bawah Pautan **Audit Dalaman** - **Pasca Audit** - **Pelaksanaan Pelan Tindakan**)
5. **Hubungi Juruaudit Dalaman yang mengeluarkan NCR atau OFI bagi tujuan penutupan penemuan audit**
   (Juruaudit akan membuat penutupan audit dengan membuat semakan bukti tindakan melalui PortalCQA sahaja. Sekiranya perlu, Juruaudit akan datang ke lokasi untuk menyemak keberkesanan tindakan).
6. **Lapor Status Penemuan Audit Dalaman PTJ dalam Mesyuarat Pengurusan PTJ** (Rujuk **langkah 6.14 (c)** dalam Prosedur Audit Dalaman ISO).

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
AGRICULTURE • INNOVATION • LIFE

Nota: Ringkasan **Tindakan PTJ**

# TINDAKAN PENUTUPAN PENEMUAN AUDIT DALAMAN

## Tindakan: Juruaudit Dalaman

Pemakluman bagi tujuan penutupan penemuan audit beserta Panduan Tindakan Penutupan Audit Dalaman telah dimaklum dan dihebahkan kepada **Juruaudit Dalaman** melalui **emel** bertarikh 10 Oktober & 18 Disember 2018.




Nota: Panduan Tindakan **Juruaudit Dalaman**

# LAPORAN ANALISIS PENEMUAN AUDIT



Laporan ini merangkumi penemuan audit dalaman **tahun 2017** dan **2018** bagi tiga (3) ISO yang dipersijilkan di UPM iaitu **Sistem Pengurusan Kualiti** (**QMS**) ISO 9001, **Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat** (**ISMS**) ISO/IEC 27001 dan **Sistem Pengurusan Alam Sekitar** (**EMS**) ISO 14001.

## LAPORAN KETAKAKURAN (NCR)

| Bil. | ISO | 2017 | | | 2018 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Status NCR | | | Status NCR | | |
| | | Jumlah | Tutup (%) | Belum Tutup (%) | Jumlah | Tutup (%) | Belum Tutup (%) |
| 1. | QMS ISO 9001 | 130 | 68% (88) | 32% (42) | 143 | 54% (77) | 46% (66) |
| 2. | ISMS ISO/IEC 27001 | 10 | 100% (10) | 0% (0) | 5 | 80% (4) | 20% (1) |
| 3. | EMS ISO 14001 | 42 | 76% (32) | 24% (10) | 21 | 81% (17) | 19% (4) |

Nota: Berdasarkan status terkini bertarikh 19 Disember 2018 jam 1.00 ptg

# LAPORAN ANALISIS PENEMUAN AUDIT

## PELUANG PENAMBAHBAIKAN (OFI)

| Bil. | ISO | 2017 | | | 2018 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Status OFI | | | Status OFI | | |
| | | Jumlah | Tutup (%) | Belum Tutup (%) | Jumlah | Tutup (%) | Belum Tutup (%) |
| 1. | QMS ISO 9001 | 126 | 61% (77) | 39% (49) | 144 | 52% (75) | 48% (69) |
| 2. | ISMS ISO/IEC 27001 | 12 | 75% (9) | 25% (3) | 28 | 39% (11) | 61% (17) |
| 3. | EMS ISO 14001 | 40 | 53% (21) | 47% (19) | 28 | 54% (15) | 46% (13) |

Nota: Berdasarkan status terkini bertarikh 19 Disember 2018 jam 1.00 ptg

# SENARAI PTJ YANG PERLU TINDAKAN PENUTUPAN AUDIT

| Bil. | ISO | 2017 | | 2018 | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | NCR | OFI | NCR | OFI |
| 1. | QMS ISO 9001 | FPP, FEP, FPSK, FRSB, FS, K15, PPPA, i-AQUAS | AD/PNC, BKUPM/HEPA, BUR, CALC, FEP, FP, FS, IBS, IPPH, ITMA, K10, K11, K13, K15, K17, K6, KC, KMR, KPZ, KTDI, PASP, PEND, PIC, PNC, PPKKP/PNC, i-AQUAS, UI/PNC, WAZAN/PNC | AKAD, BKU, CARE, FP, FPP, FS, FSKTM, IPPH, K15, KTDI, PASP, PIC, PUPM | BKU, CARE, FP, FPP, FS, FSKTM, PASP, PPDN, i-AQUAS, PUPM |
| 2. | ISMS ISO/IEC 27001 | - | KC | COSCOMM | COSCOMM, PEND, BKU |
| 3. | EMS ISO 14001 | FPSK, FP | BURSAR, FBSB, FPAS, FRSB, FEP, FP, FPSK, PPPA, FPP, PEND, PASP | PASP | - |

Nota: Berdasarkan status terkini bertarikh 19 Disember 2018 jam 1.00 ptg

(**Tidak termasuk penemuan yang masih dalam tempoh tindakan** - status **akan dilaporkan pada mesyuarat akan datang**)

# ANALISIS PEMANTAUAN KEBERKESANAN TINDAKAN

| Bil. | Cabaran | *Root Cause*/ Punca | Tindakan Pembetulan | Keberkesanan Tindakan | Tindakan |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | **Analisis** Penutupan Penemuan Audit dalam paparan PortalCQA **tidak tepat** menyebabkan proses pemantauan status penutupan penemuan audit dalaman kurang berkesan kerana **terpaksa membuat analisis secara manual** | Perubahan keperluan pengguna dalam sistem PortalCQA | Permohonan naiktaraf PortalCQA kepada iDEC | Pemantauan secara berterusan penggunaan PortalCQA | CQA & iDEC |
| 2. | **Tindakan pembetulan yang tidak berkesan** disebabkan pengenalpastian **punca *(root cause)* tidak tepat** (Tidak menggunakan kaedah yang sesuai contoh: 5W) menyebabkan **penemuan audit berulang** | Tiada perbincangan menyeluruh dilaksana bersama auditee sebenar semasa pengenalpastian cadangan tindakan pembetulan | Penglibatan bersama semua yang terlibat semasa pengenalpastian tindakan pembetulan penemuan audit | Laporan analisis penemuan audit dalaman PTJ bagi tahun semasa berbanding tahun-tahun sebelum dan dilaporkan dalam Mesyuarat Pengurusan PTJ | PTJ (TWP, TPAD & Auditee) |

# ANALISIS PEMANTAUAN KEBERKESANAN TINDAKAN

| Bil. | Cabaran | *Root Cause*/ Punca | Tindakan Pembetulan | Keberkesanan Tindakan | Tindakan |
|---|---|---|---|---|---|
| **3.** | **Bukti pelaksanaan tindakan** penemuan audit (NCR dan OFI) yang dimuatnaik dalam PortalCQA **tidak selaras dengan cadangan tindakan** pembetulan (bagi NCR) atau cadangan pelaksanaan tindakan (bagi OFI) yang dinyatakan dalam PortalCQA menyebabkan Juruaudit Dalaman tidak bersetuju dengan tindakan dan **penemuan audit tidak boleh ditutup** | Kurang komunikasi antara PTJ dengan Juruaudit Dalaman secara terperinci | Mengadakan perbincangan bersama antara PTJ dengan Juruaudit Dalaman sebelum permohonan pengesahan penutupan dibuat | Pemantauan status penutupan penemuan audit secara berkala dalam mesyuarat Pengurusan PTJ<br>- laporan penerimaan penemuan audit<br>- status tindakan<br>- status penutupan | PTJ & Juruaudit Dalaman |
| **4.** | **Kelewatan proses pemindahan tindakan** penemuan audit kepada Peneraju Proses oleh PTJ menyebabkan pelaksanaan tindakan lewat dibuat dan **penemuan audit lewat/belum boleh ditutup** | Tiada Kesedaran berkaitan proses pindah perlu dilaksanakan oleh PTJ melalui PortalCQA | Memberi latihan berkaitan penggunaan PortalCQA | Pemantauan status penutupan penemuan audit secara berkala dalam mesyuarat JK Kualiti dan Mesyuarat Pengurusan PTJ | CQA dan PTJ (TWP & TPAD) |

# SYOR

Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti dimohon **mengambil perhatian** berhubung:

1. pemantauan status penutupan audit dalaman (NCR dan OFI) telah dibuat secara berkala kepada Pusat Tanggungjawab (TWP dan TPAD) dan Juruaudit Dalaman;

2. analisis penutupan penemuan audit dalaman QMS, ISMS dan EMS tahun 2017-2018 dikemaskini sehingga tarikh 19 Disember 2018;

3. senarai PTJ yang perlu mengambil tindakan bagi tujuan penutupan penemuan audit dalaman tahun 2017 dan 2018 (tidak termasuk penemuan yang masih dalam tempoh tindakan) dan pemantauan status penutupan akan dilapor secara berkala semasa Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti;

4. laporan analisis pemantauan keberkesanan tindakan menerusi cabaran yang dikenalpasti sepanjang proses audit dalaman UPM beserta tindakan pembetulan yang perlu diambil tindakan bagi memastikan pelaksanaan QMS, ISMS dan EMS di UPM adalah berkesan.